

SOALAN NO. 14**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : JAWAB LISAN****DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]****TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)****SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [BUKIT BINTANG] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan program menghapuskan pengemis dan gelandangan dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang sedikit sebanyak mencacatkan kebersihan dan kesejahteraan hidup di Kuala Lumpur.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil inisiatif bagi membantu kehidupan golongan gelandangan supaya mereka **memperoleh ruang dan peluang** untuk kehidupan yang lebih baik. Selaras dengan keputusan Mesyuarat *High Level Committee Majlis Sosial* yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 18 Februari 2016 yang lalu, KPWKM telah diberi tanggungjawab untuk menjadi peneraju serta menubuhkan satu badan penyelarasan/sekretariat dalam menangani isu golongan gelandangan.

Usaha untuk menyelesaikan masalah pengemis dan gelandangan telah dilaksanakan oleh KPWKM melalui kerjasama Kementerian/agensi lain/pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara berterusan. Bagi memastikan kebersihan dan kesejahteraan Bandaraya Kuala Lumpur, beberapa program untuk menangani isu gelandangan dan pengemis telah dilaksanakan melalui pendekatan seperti berikut:

1. Melaksanakan Operasi Menyelamat di bawah Akta Orang Papa 1977
2. Program di Anjung Singgah
3. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur
4. Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku
5. Rumah Bimbingan Gelandangan
6. Pewujudan Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan
7. Program Pemantapan Jati Diri Gelandangan
8. Pemusatan Agihan Makanan Kepada Gelandangan

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun program dan pendekatan yang digunakan tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah pengemis dan gelandangan di Kuala Lumpur, namun usaha dan inisiatif berterusan amat diperlukan melalui kerjasama strategik yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan agar golongan ini dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.